



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
~~KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA~~  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Fax : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KPM.600-14/1/20 JLD 26 ( )

18 Januari 2019

12 Jamadilawal 1440H

Encik Ding Poi Bor  
Pengarah Urusan  
DKLS Industries Berhad,  
No. 26, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre,  
Off Jalan Pahang Barat,  
53000 Kuala Lumpur.

Tuan,

**KEBENARAN PENERUSAN PERTANDINGAN MENULIS ESEI 'DKLS LINGUISTIC AMBASSADOR AWARD' ESSAY WRITING COMPETITION WITH ELS LANGUAGE CENTRES 2019**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni (BPSS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan penerusan program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM amat mengalu-alukan kerjasama dan perkongsian pintar dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan bahasa Inggeris murid-murid sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** membenarkan murid-murid dan guru-guru untuk menyertai **Pertandingan Menulis Esei 'DKLS Linguistic Ambassador Award' Essay Writing Competition With ELS Language Centres 2019** yang akan bermula pada bulan **Januari hingga Jun 2019**. Walau bagaimanapun, aspek kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid hendaklah diutamakan berdasarkan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Pelibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;
- 3.2 Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;
- 3.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;
- 3.4 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;
- 3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;

- 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;
  - 3.8 Penggunaan Jata Negara bersama-sama perkataan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebarang logo yang berkaitan dibenarkan hanya untuk *backdrop*, *banner*, sijil, cenderamata, kad jemputan serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial. Pihak penganjur dipohon untuk menghantar deraf bagi tujuan semakan sebelum membuat cetakan;
  - 3.9 Pihak tuan dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan.
4. Untuk makluman pihak tuan, semua urusan surat-menyurat berkaitan program ini hendaklah melalui Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah. Pihak tuan juga dipohon untuk menghantar laporan program kepada Bahagian ini **dua minggu** selepas program selesai dijalankan bagi tujuan rekod dan rujukan. Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum pula, pihak tuan dipohon mengemukakan surat permohonan pengiktirafan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program.
5. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru serta murid bagi menyertai Pertandingan Menulis Esei 'DKLS Linguistic Ambassador Award' Essay Writing Competition with ELS Language Centres 2019** yang akan bermula pada bulan **Januari hingga Jun 2019 sahaja dan luput selepas 31 Disember 2019**. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SHAARI BIN OSMAN)**

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- s.k.
1. Pengarah Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni
  2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri